



24hb. Januari, 1972.

PERUTUSAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN AM  
MALAYSIA.

Saya berasa gembira kerana dapat peluang mengalu2kan penerbitan buku chenderamata ini, sebagai mengambil sempena perayaan Ulangtahun Ke-70 (Platinum Jubilee), Persatuan Ceylon Tamil Selangor.

Penerbitan chenderamata ini sangat-lah berfaedah untuk di-ketahui dan di-abadikan bukan sahaja oleh jenerasi sekarang, bahkan juga untuk jenerasi2 akan datang.

Walau pun orang2 Malaysia yang berketurunan Ceylon Tamil sangat kecil bilangan-nya, tetapi mereka telah turut menyumbangkan tenaga dan kebolehan mereka bagi membina negara ini, untuk faedah bangsa Malaysia seluroh-nya.

Sebagai sa-orang pemimpin wanita, saya biasa mendapat bantuan dan sokongan kuat daripada kaum wanita yang berketurunan Ceylon Tamil ini. Sumbangan mereka ini amat-lah di-hargai.

Saya berharap ahli2 wanita Persatuan ini akan terus memainkan peranan mereka untuk faedah bukan sahaja kaum wanita bahkan juga bangsa dan Negara Malaysia seluruh-nya.

Bersempena dengan ulangtahun ke-70 ini, saya berharap Persatuan ini akan terus bergiat di-dalam semua bidang untuk kebaikan bangsa dan negara kita, khusus-nya untuk membina satu bangsa dan satu negara, sesuai dengan chita2 dan perinsip2 RUKUNEGARA.

Sekian, dan selamat menyambut "Platinum Jubilee".

*Fatimah Hashim*  
(Tan Sri Fatimah binte Haji Hashim)